



## Sambutan Aidilfitri di Kuala Wau suram

Oleh **Roselan Ab Malek** - April 25, 2023 @ 4:29pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

MARAN: Sekitar 1990-an, jalan sempit di Kampung Kuala Wau, di sini, sesak dengan orang ramai ketika sambutan Aidilfitri namun suasana itu tidak lagi dirasai kerana banyak rumah berkunci dan sebahagiannya ditinggalkan.

Mengimbau kenangan lalu itu, penduduk, Nordin Md Atar, 59, berkata Kampung Kuala Wau yang pernah menempatkan ribuan penduduk kini semakin sunyi.

Hanya ada 40 rumah namun tidak semua diduduki kerana kebanyakan generasi muda berhijrah ke tempat lain.

Nordin berkata, yang tinggal kini adalah warga emas yang kebanyakannya terikat dengan emosi tempat lahir dan masih sayang dengan kampung asal mereka.

"Saya amat merindui sambutan Aidilfitri ketika zaman remaja dahulu. Kebanyakan orang yang membesar bersama saya di sini sudah berpindah bekerja di tempat lain dan ada yang berpindah tinggal bersama anak dan jarang balik ke kampung ini lagi," katanya.

Tradisi ziarah rumah ke rumah juga tidak seperti dahulu kerana bilangan penduduk semakin berkurangan dan sambutan Aidilfitri semakin pudar.

Nordin, yang tinggal bersama isterinya Norida Sulong, 57, berkata sebelum jalan utama menghubungkan Kampung Kuala Wau dan kampung sekitarnya dibina pada 2000, penduduk bergantung sepenuhnya kepada pengangkutan sungai.

"Saya masih ingat orang tua akan tunggu dekat sungai untuk sambut anak pulang pada Aidilfitri. Anak mereka yang tiba dengan kereta akan meletakkan kenderaan di seberang sungai sebelum menyeberang menggunakan bot."

"Tebing sungai akan sesak dengan orang ramai, riuh rendah bercerita sambil menunggu anak mereka menyeberang dengan bot," katanya.

Menurutnya pada hari pertama Aidilfitri, penduduk kampung biasanya melakukan 'gotong-royong' menyembelih haiwan ternakan dan memasak pelbagai hidangan di masjid sebelum menunaikan solat raya. Selepas solat, semua berkumpul untuk menikmati hidangan.

Namun katanya, tradisi itu dihentikan kira-kira 25 tahun lalu kerana kekurangan tenaga kerja.

Bapa kepada empat anak itu yang dilahirkan di kampung itu berkata, dia tidak bercadang untuk berpindah ke tempat lain kerana dilahirkan di sini.

"Setiap tahun anak yang masih bujang pulang beraya tetapi tidak pasti apa akan terjadi apabila mereka berumahtangga kelak," katanya.

Ketua Kampung Kuala Wau, Mohd Zurin Md Jais, 49, berkata terdapat 180 keluarga tinggal di situ suatu ketika dulu namun kini kebanyakan rumah ditinggal kosong.

"Ada juga pemilik datang dua bulan sekali membersihkan rumah yang ditinggalkan tetapi ramai juga tidak lagi datang," katanya.

Menurutnya, apabila tanah Rancangan Felda dibuka, ramai penduduk kampung itu berpindah keluar.

"Kebanyakan penduduk di sini bekerja sebagai penoreh getah dan nelayan sungai yang bergantung harap kepada Sungai Pahang.

"Jadi generasi muda lebih gemar ke bandar untuk mencari kerja atau melanjutkan pelajaran," katanya sambil menambah hari ini hanya terdapat sebuah kedai runcit di kampung itu.



Nordin bersama isteri Norida bergambar bersama di hadapan rumah yang berusia lebih 80 tahun. - Foto NSTP/Farizul Awang